

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : KOMENTAR

# Vaksinasi kanak-kanak cegah komplikasi akibat COVID-19



Aktivis I-Medik  
Johor Bahru

Oleh Dr Nur Farrah Nadia Najib  
bhrencana@bh.com.my

**Ketika** ini Kementerian Kesihatan (KKM) melaksanakan Program Imunisasi COVID-19 Kanak-kanak (PICKids). Vaksin yang diiktiraf selamat untuk kanak-kanak berusia lima tahun ke atas di seluruh dunia pada waktu ini ialah formulasi vaksin Comirnaty (Pfizer-BioNTech).

Kanak-kanak diberi dua dos dengan jarak lapan minggu di antara kedua-duanya. Setiap dos bersamaan dengan 10mcg vaksin mRNA (0.2mls).

Kajian klinikal ke atas 2,268 kanak-kanak penerima vaksin Prozer-BioNTech mendapati vaksin ini selamat dan menghasilkan pertahanan badan efektif terhadap virus COVID-19, iaitu sehingga 90.7 peratus.

Setakat ini lebih 8 juta kanak-kanak di serata dunia divaksinasi setakat ini, sekali gus meyakinkan kita vaksin ini selamat untuk golongan itu.

Vaksin Pfizer-BioNTech tidak boleh diberikan kepada kanak-kanak mempunyai sejarah alahan teruk (*immediate*) kepada vaksin itu atau kandungannya.

Kanak-kanak mengalami alahan tidak serius dalam tempoh 72 jam selepas menerima vaksin dos pertama juga tidak boleh diberikan dos kedua.

Kumpulan kanak-kanak berisiko tinggi mendapat jangkitan COVID-19 serius, kemasukan ke unit rawatan rapi (ICU) atau kematian adalah mereka yang mempunyai sejarah masalah kesihatan seperti masalah jantung, sistem pernafasan kronik, hipertensi, diabetis, buah pinggang, sistem pertahanan badan lemah, masalah saraf, autisme dan obesiti.

Oleh itu, kanak-kanak mempunyai penyakit ini

perlu diberikan vaksin secepat mungkin. Antara kesan sampingan vaksin yang biasa dialami kanak-kanak ialah kesakitan pada tempat suntikan, kemerahan dan bengkak.

Mereka juga mungkin mengalami gejala seperti rasa letih, sakit kepala, sakit otot dan demam. Jika mereka mempunyai gejala seperti ini, mereka perlu diberi ubat demam atau penahan sakit seperti paracetamol serta digalakkan berehat sehingga kembali pulih.

Kesan sampingan serius sering dikaitkan dengan vaksin Pfizer-BioNTech ialah jangkitan pada otot jantung (*myocarditis*) dan selaput jantung (*pericarditis*).

Keadaan ini lazimnya berlaku dalam masa beberapa hari sehingga seminggu daripada tarikh suntikan.



Program Imunisasi COVID-19 Kanak-Kanak mampu mencegah komplikasi Sindrom Keradangan Pelbagai Sistem Kanak-Kanak.  
(Foto hiasan)

Tanda-tanda *myocarditis* atau *pericarditis* ialah sesak nafas, sakit dada, pitam, pengsan atau rasa denyut nadi laju atau tidak sekata.

Jika dilihat kepada kajian pada Disember lalu, daripada 8,674,378 dos vaksin diberikan, cuma 12 kes *myocarditis* dilaporkan. Semua kes ini mengalami gejala ringan dan sembuh sepenuhnya.

Kajian ini juga mendapati kes *myocarditis* sebenarnya lebih tinggi dalam kalangan remaja berusia 12 tahun ke atas yang diberikan vaksin Pfizer-BioNTech.

Secara keseluruhannya, risiko *myocarditis* jauh lebih rendah dalam kalangan kanak-kanak lima tahun ke atas jika dibandingkan dengan golongan remaja.

Selepas atau sebelum menerima vaksin COVID-19, kanak-kanak boleh menerima apa-apa vaksin lain dengan syarat mereka sembuh sepenuhnya. Jarak dua minggu adalah digalakkan antara vaksin COVID-19 dengan vaksin lain.

Kanak-kanak tidak digalakkan mengambil ubat sebelum atau ketika divaksin seperti paracetamol dan ibuprofen tetapi boleh melakukan demikian sebaik saja mengalami gejala seperti demam, sakit kepala, sakit otot atau sakit lengan.

Program imunisasi COVID-19 untuk kanak-kanak lima tahun ke atas sebenarnya berperanan mencegah komplikasi Sindrom Keradangan Pelbagai Sistem pada Kanak-Kanak (MIS-C).

MIS-C boleh berlaku antara dua hingga enam minggu selepas dijangkiti virus COVID-19 dan 60 hingga 70 peratus kanak-kanak yang mengalami keadaan ini perlu dimasukkan ke ICU. Lebih menyedihkan, MIS-C ini mempunyai satu hingga dua peratus risiko kematian.

Oleh itu, ibu bapa perlu membuat keputusan bijak bagi melindungi anak daripada jangkitan COVID-19 yang serius serta komplikasinya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : MINDA PEMBACA

## Jangan sebar berita tidak benar dos penggalak

Mahani  
Mohamad,  
Segambut

Malaysia sudah mencipta sejarah sendiri apabila jumlah kes COVID-19 direkod melepasi 30,000. Angka ini menggerunkan, tetapi apabila melihat ana-

lisis lebih terperinci, kita tahu ia disebabkan varian Omicron.

Walaupun kebanyakan kes direkod sebagai tahap satu dan dua, tetapi kita tidak boleh berlapang dada. Sebaliknya sebagai warganegara jika belum mengambil suntikan dos penggalak, cepatlah berbuat demikian.

Hari ini kebanyakan kita berasa selesa dengan dua dos vaksin yang diterima. Masing-masing terasa cukup kebal hingga tidak lagi melihat keperluan mengambil dos penggalak.

Kita melihat pelbagai usaha dibuat oleh kerajaan untuk memujuk rakyat mengambil dos penggalak sekali gus menghalang penyebaran COVID-19. Namun, kita juga tahu terlalu banyak kempen dan kisah lain disebarkan yang membuatkan rakyat menolak dos penggalak.

Banyak kisah ini dibuat untuk menakut-nakutkan rakyat dan disebar oleh mereka yang bukan bertauliah dan pakar.

Masing-masing berasa mereka paling layak bercakap untuk menyeru orang ramai jangan ambil dos penggalak.

Sebenarnya jika kita secara peribadi tidak mahu ambil duduk diam sahaja. Jangan pula menyebarkan kepada orang lain. Memang dunia akhir zaman ini sudah disebut dalam al-Quran akan ada penyakit yang tiada ubat.

Jadi apakah yang perlu kita takutkan? Adakah dengan mengambil dos penggalak, kita tidak akan mati? Ajal, rezeki dan jodoh itu ditentukan tuhan. Namun, untuk menyebarkan penyakit itu pilihan kita sendiri. Berfikirlah lebih jauh dan tawakal.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# Penggunaan katil ICU lebih 50 peratus di Perlis, Sabah

## Kelantan kekal jadi negeri tertinggi dengan 70 peratus

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Perlis dan Sabah negeri terbaru mencatat penggunaan katil kes kritikal atau unit rawatan rapi (ICU) melebihi 50 peratus.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata perkembangan itu menjadikan lapan negeri yang sudah melebihi 50 peratus penggunaan katil ICU.

Katanya, Kelantan kekal menjadi negeri tertinggi dengan penggunaan sebanyak 70 peratus, namun jumlah menurun sedikit, berbanding kadar yang dilaporkan sebelum ini, iaitu 94 peratus.

"Putrajaya mencatatkan penggunaan sebanyak 67 peratus, Kuala Lumpur (65 peratus), Johor (63 peratus), Melaka (61 peratus), Perak (58 peratus), Perlis (55 peratus) dan Sabah (53 peratus)," katanya semalam.

Bagi katil bukan ICU, Dr Noor Hisham berkata, ada 12 negeri yang sudah menggunakan melebihi 50 peratus, iaitu Selangor mencapai 101 peratus dan masing-masing 91 peratus di Kuala Lumpur dan Perak.

"Turut dilaporkan ialah Kelantan dengan penggunaan 87 peratus, Putrajaya (84 peratus), Perlis (78 peratus), Pahang (69 peratus), Johor (68 peratus) serta

masing-masing 60 peratus dilaporkan di Terengganu dan Sabah.

"Ini diikuti Pulau Pinang dengan 57 peratus serta Sarawak sebanyak 55 peratus," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, bagi pesakit COVID-19 yang memerlukan alat bantuan pernafasan, jumlahnya meningkat kepada 193 pesakit menjadikan jumlah keseluruhan penggunaan ialah 35 peratus.

Beliau berkata, ada 75 kematian akibat COVID-19 kelmarin, menjadikan jumlah angka korban meningkat kepada 32,749 kes.

Katanya, kematian tertinggi dilaporkan di Selangor dengan 22 kes, diikuti Johor (13) dan Sabah (11).

Selain itu, beliau berkata, kematian masing-masing tujuh kes dilaporkan di Kedah dan Perak, masing-masing tiga kes di Ke-

lantan, Melaka dan Pulau Pinang, Terengganu (dua kes).

"Turut dilaporkan ialah masing-masing satu kes di Negeri Sembilan, Pahang, Sarawak dan Kuala Lumpur.

"Daripada jumlah angka korban itu, terdapat 20 kes kematian di luar fasiliti kesihatan (BID). Perkembangan itu menjadikan sehingga kini sebanyak 6,710 kes kematian dilaporkan, sebelum bantuan perubatan dapat diberikan.

"Daripada jumlah kes BID itu, lapan kes dilaporkan di Sabah, Selangor (lima), masing-masing dua kes di Johor, Kedah, Kelantan dan satu di Kuala Lumpur," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, Kementerian Kesihatan mengesan 3,494 kluster tempat kerja sejak 25 Januari 2020 sehingga 26 Februari lalu.

Beliau berkata, setakat 26 Fe-

Putrajaya catatkan penggunaan sebanyak 67 peratus, Kuala Lumpur (65 peratus), Johor (63 peratus), Melaka (61 peratus), Perak (58 peratus), Perlis (55 peratus) manakal Sabah (53 peratus)



Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan

bruari lalu, sebanyak 133 kluster tempat kerja dilaporkan dan jumlah kluster berkenaan mewakili empat peratus daripada keseluruhan kluster tempat kerja, dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini.

"Pada 2022, majoriti kluster tempat kerja dari subkategori sektor pembuatan, diikuti subkategori perkhidmatan dan pentadbiran awam, pertanian, pembinaan, dan perlombongan atau kuari," katanya.

## Sikap antara punca Melayu kurang ambil dos penggalak

**Kuala Lumpur:** Sikap 'ambil vaksin pun akan kena' antara punca masyarakat Melayu masih kurang mendapatkan dos penggalak dan vaksin kanak-kanak melawan COVID-19.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr

Halimatus Sakdiah Minhat, berkata sesetengah individu berpendapat, jangkitan COVID-19 sememangnya sudah ada dalam masyarakat, meletakkan mereka pada risiko yang sama tanpa mengira status pelarian, mendorong untuk tidak mengambil dos penggalak seterusnya menghalang anak untuk mendapatkan vaksin, terutama kanak-kanak 5 hingga 11 tahun.

Katanya, tidak dinafikan individu yang sudah mendapat vaksinasi juga berisiko dijangkiti, namun, rakyat harus faham konsep vaksin dalam mencegah penyakit serius, seterusnya mencegah keperluan dimasukkan ke hospital.

"Terdapat juga individu yang

berasaskan mereka seharusnya mendapatkan imuniti semula jadi," katanya.

Media sebelum ini melaporkan tidak ramai orang Melayu mengambil dos penggalak dan menyertai Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids).

Mengulas lanjut mengenai program pelarian dalam kalangan kanak-kanak, Dr Halimatus Sakdiah, berkata kebanyakan ibu bapa takut dengan kesan sampingan vaksin seperti yang disebarkan di media sosial dan waswas untuk mendapatkan pelarian untuk anak mereka.

Katanya, ada yang mudah percaya kepada berita kurang tepat dan khabar angin juga menjadi satu daripada punca masyarakat Melayu membuat keputusan tidak mengambil dos penggalak dan vaksin untuk kanak-kanak.

Sementara itu, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga Kementerian Kesihatan, Dr Nur Syakir

Awai, berkata penularan virus COVID-19, khususnya varian Omicron yang mudah berjangkit, meletakkan kanak-kanak yang belum divaksinasi dalam kategori berisiko tinggi, susulan peningkatan mendadak jangkitan dalam kalangan mereka.

Daripada 23,000 kes baharu dilaporkan semalam, katanya, 3,600 membabitkan kanak-kanak bawah usia 11 tahun.

"Walaupun ketika diagnosis COVID-19 mereka berada dalam Kategori Satu atau Dua, tetapi selepas dua hingga enam minggu jangkitan, mereka boleh mengalami satu keadaan yang dipanggil sebagai 'Multisystem inflammatory syndrome in children (MIS-C)'.

"MIS-C ini boleh menyebabkan simptom seperti susah bernafas, demam dan sebagainya serta kebanyakan kanak-kanak yang terkesan memerlukan rawatan dalam unit rawatan rapi (ICU) serta boleh membawa kepada kematian," katanya.

Dr Nur Syakirah berkata, faktor kematian kanak-kanak yang mengalami keadaan MIS-C itu, boleh disebabkan daripada kegagalan fungsi sistem organ dalam badan seperti jantung, otak, paru-paru dan buah pinggang.

## Kes sembuh terkini 30,624 melebihi jangkitan baharu

**Putrajaya:** Sebanyak 30,624 kes sembuh daripada virus COVID-19 dilaporkan kelmarin, melebihi jumlah kes baharu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata sehingga kini jumlah individu yang sudah sembuh daripada wabak itu meningkat kepada 3,116,564 kes atau 90.5 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Mengulas mengenai kes baharu, katanya, jangkitan kembali berada di bawah 30,000 kes iaitu sebanyak 23,100 kes yang menjadikan sehingga kini terdapat seramai 3,442,736 individu sudah dijangkiti virus itu.

Dr Noor Hisham berkata, daripada jumlah kes baharu, terdapat 22,802 kes membabitkan penularan tempatan dengan 298 kes import.

Katanya, kes baharu itu membabitkan 99.19 peratus atau 22,914 kes pesakit dalam kategori satu dan dua, iaitu tidak mempunyai gejala dan bergejala ringan.

"Hanya 0.81 peratus bersa-

maan 186 kes dalam kategori tiga hingga lima.

"Bagi kes dalam kategori tiga hingga lima, angka paling tinggi membabitkan individu yang sudah menerima dua dos, namun masih belum mendapatkan dos penggalak serta individu berusia 60 tahun keatas, iaitu masing-masing sebanyak 81 kes atau 45.16 peratus.

"Selain itu, sebanyak 82 kes (44.09 peratus) membabitkan individu mempunyai komorbid, sudah menerima dos penggalak (63 kes), tidak divaksinasi atau belum lengkap divaksinasi (39 kes) serta ibu mengandung (dua kes).

"Setakat ini terdapat 361 kes sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU), membabitkan 133 kes disahkan COVID-19 serta 228 lagi disyaki, kemungkinan dalam lapan siasatan.

"Bagi pesakit dalam ICU dan memerlukan alat bantuan pernafasan, sehingga kini terdapat sejumlah 193 kes iaitu 76 kes disahkan COVID-19 serta 117 kes lagi disyaki, kemungkinan dalam lapan siasatan," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 15

RUANGAN : NASIONAL

## KKM pantau 'decoupling trend'

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan (KKM) akan memantau *decoupling trend* untuk tempoh dua minggu akan datang bagi mengambil kira pelaksanaan kelengkapan tambahan pada masa akan datang.

Tren itu akan dilihat sama ada ia berkekalan atau berubah berikutan berlaku jangkitan tinggi COVID-19 akibat varian Omicron ketika ini.

Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata perkara itu dinyatakan dalam taklimat oleh Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin dalam Mesyuarat Kedua Menteri Kuartet COVID-19 ke-13, semalam.

"Kita dapat melihat *decoupling trend* buat masa ini iaitu bilangan kemasukan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) dan kematian akibat COVID-19 ialah 80 hingga 90 peratus lebih rendah berbanding pelaporan pada Ogos tahun lalu walaupun kes lebih tinggi ketika ini.

"Ketika ini, kadar penggunaan katil di ICU dan alat bantuan pernafasan masih mencukupi walaupun diakui kadar penggunaannya sedikit meningkat.

"Seperti dimaklumkan oleh Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, ia disebabkan sebahagian pesakit COVID-19 kategori 1 dan 2 dinasihatkan untuk menjalani isolasi di hospital bagi mendapatkan pemantauan lebih rapi," katanya.

Hishammuddin berkata, varian Omicron tidak akan menyebabkan kerajaan melaksanakan semula sekatan secara besar-besaran.

"Salah satu sebabnya ialah kerana ramai rakyat sudah menerima vaksinasi lengkap. Lebih 97.5 peratus dewasa menerima dua dos vaksin manakala 62 peratus dewasa menerima dos penggalak dan 90 peratus remaja pula divaksin termasuklah program vaksinasi untuk kanak-kanak yang giat," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : COVID-19

# Sentiasa siap siaga

Penggunaan katil ICU catat lebih 50 peratus di lapan negeri

Oleh Amir Abd Hamid  
amir\_hamid@mediapri-  
ma.com.my

## Kuala Lumpur

Lapan negeri mencatatkan penggunaan katil kes kritikal atau Unit Rawatan Rapi (ICU) untuk pesakit Covid-19 yang melebihi 50 peratus kelmarin.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, lapan negeri itu ialah Kelantan (70 peratus), Putrajaya (67 peratus), Kuala Lumpur (65 peratus), Johor (63 peratus), Melaka (61 peratus), Perak (58 peratus), Perlis (55 peratus) dan Sabah (53 peratus).

Beliau berkata, peratusan pengisian melebihi 50 peratus bagi bukan ICU pula adalah membabitkan 12 negeri iaitu Selangor (106 peratus), Kuala Lumpur (91

peratus), Perak (91 peratus), Kelantan (87 peratus), Putrajaya (84 peratus), Perlis (78 peratus), Pahang (69 peratus), Johor (68 peratus), Terengganu (60 peratus), Sabah (60 peratus), Pulau Pinang (57 peratus) dan Sarawak (55 peratus).

"Sementara itu, bagi penggunaan fasiliti kesihatan membabitkan katil Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC), hanya satu negeri iaitu Melaka (57 peratus) menunjukkan peratusan pengisian melebihi 50 peratus.

"Data lain juga menunjukkan pesakit Covid-19 yang memerlukan alat bantuan pernafasan atau ventilator meningkat kepada 193 pesakit.

"Ia membabitkan peratusan penggunaan ventilator 35 peratus daripada keseluruhan ventilator untuk pesakit Covid-19 dan bukan Covid-19," katanya.

Beliau berkata demikian dalam kenyataan media Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semalam mengenai penggunaan fasiliti kesihatan khusus bagi kes Covid-19 kelmarin.

Dr Noor Hisham menjelaskan, secara keseluruhannya, setiap negeri sudah siap siaga dengan pelan tindak balas cepat sekiranya berlaku peningkatan kes yang memerlukan kemasukan ke PKRC, hospital dan ICU.

"Apa-apa pun, KKM ingin menjelaskan bahawa terdapat perbezaan di antara data

hari-hari termasuk kes Covid-19 ke hospital berbanding kes Covid-19 kategori 1 hingga 5 yang baharu di-kesan pada setiap hari.

"Ini memandangkan keadaan klinikal pesakit yang dinamik dan mungkin merosot atau bertambah baik sepanjang dijangkiti Covid-19," katanya.

Beliau berkata, misalnya, semasa dikesan, mungkin pesakit berada pada kategori 2A dan diisolasi di rumah melalui *Home Surveillance Order* (HSO) digital, namun status kesihatan pesakit boleh merosot ke kategori 3 atau lebih dan memerlukan kemasukan ke hospital.

Pada masa sama, katanya, terdapat juga kes Covid-19 berisiko tinggi dari kategori 1 dan 2 yang memerlukan kemasukan ke PKRC dan hospital sebagai langkah berjaga-jaga.

“Setiap negeri sudah bersiap siaga dengan pelan tindak balas cepat”  
Dr Noor Hisham

## 23,100 kes baharu, 30,624 kes sembuh

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaporkan 23,100 kes baharu Covid-19, kelmarin menjadikan jumlah kumulatif penularan wabak itu dalam negara setakat ini adalah 3,442,736 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak 30,624 atau 90.5 peratus kes dilaporkan sembuh yang melebihi kes baharu menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh 3,116,564 kes.

"Daripada keseluruhan kes baharu, 298 adalah kes import membabitkan 262 warganegara (87.9 peratus) dan 36 bukan warganegara (12.1 peratus).

"Sebanyak 22,802 kes adalah penularan tempatan membabitkan 22,150 warganegara (97.1 peratus) dan 652 bukan warganegara (2.9 peratus)," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 361 kes memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 133 kes disahkan Covid-19, bakinya 228 kes disyaki, kemungkinan dan kes dalam siasatan.

Katanya, bagi kes memerlukan bantuan pernafasan pula 193 kes dengan 76 kes disahkan Covid-19, sementara 117 kes disyaki, kemungkinan dan kes dalam siasatan.

"Pada 28 Februari (kelmarin), kes Covid-19 yang dimasukkan ke hospital



Sebanyak 22,802 kes adalah penularan tempatan membabitkan 22,150 warganegara (97.1 peratus) dan 652 bukan warganegara (2.9 peratus)"

Dr Noor Hisham Abdullah adalah 1,555 kes.

"Daripada 1,555 kes ini, 592 kes (38.1 peratus) adalah kategori 3, 4, dan 5; dan 963 kes (61.9 peratus) lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2," katanya.

Memperincikan lagi kategori kes harian Covid-19 kelmarin, beliau berkata, daripada 23,100 kes yang dilaporkan sebanyak 186 kes (0.81 peratus) adalah kategori 3, 4, dan 5; dan 22,914 kes (99.19 peratus) lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

"Pecahan kategori kes adalah, Kategori 1: 8,304 kes (35.95 peratus); Kategori 2: 14,610 kes (63.24 peratus); Kategori 3: 96 kes (0.42 peratus); Kategori 4: 39 kes (0.17 peratus); dan Kategori 5: 51 kes (0.22 peratus).

"Daripada 186 kes Covid-19 kategori 3, 4, dan 5 yang baharu dilaporkan pada 28 Februari (kelmarin), sebanyak 39 kes (20.97 peratus) tidak divaksinasi atau belum lengkap divaksinasi," katanya.

## 24.8 peratus populasi kanak-kanak sudah terima dos pertama


Kuala Lumpur: Sebanyak 879,264 individu atau 24.8 peratus populasi kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun di Malaysia sudah menerima dos pertama vaksin Covid-19 melalui Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids) setakat kelmarin.

Berdasarkan data menerusi laman web Covidnow, sejumlah 14,660,956 individu atau 62.3 peratus populasi dewasa di negara pula sudah menerima dos pengalag Covid-19 dan seramai 22,949,368 atau 97.5 peratus sudah melengkapkan vaksinasi mereka manakala 23,229,321 atau 98.7 peratus

menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi remaja berusia 12 hingga 17 tahun, sebanyak 2,801,180 individu atau 90 peratus daripada populasi itu sudah melengkapkan vaksinasi mereka manakala 2,896,290 atau 93.1 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Vaksinasi harian kelmarin menyaksikan 115,202 dos vaksin diberikan meliputi 34,200 dos pertama, 1,259 dos kedua dan 79,743 dos pengalag, menjadikan jumlah kumulatif dos vaksin yang diberikan di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) sebanyak 67,208,978. - Bernama



TINJAUAN orang ramai ketika waktu pulang bekerja di Jalan Ampang, kelmarin. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaporkan kadar individu positif Covid-19 menunjukkan trend peningkatan yang ketara dengan jumlah kes positif harian melebihi 20,000 kes. - Gambar NSTP/ASVRAF HAMZAH

## Tempat kerja sumbang 3,494 kluster

Putrajaya: Sebanyak 3,494 kluster tempat kerja dikesan sejak 25 Januari 2020 sehingga 26 Februari lalu, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata, setakat 26 Februari lalu, sebanyak 133 kluster tempat kerja dilaporkan dan jumlah berke-nanan mewakili empat peratus dari keseluruhan kluster tempat kerja dalam tempoh tiga tahun kebelaka

ngan ini.

"Pada 2022, majoriti kluster tempat kerja adalah dari subkategori sektor pembuatan, diikuti subkategori perkhidmatan dan pentadbiran awam, pertanian, pembinaan, dan perlombongan atau kuari.

"Untuk tahun ini, jumlah kluster tempat kerja tertinggi dilaporkan pada ME 6/2022 dengan 23 kluster diikuti trend penurunan pada ME 7/2022 dan ME 8/2022

dengan 14 kluster dilaporkan pada kedua-dua minggu.

"Secara keseluruhannya, sebanyak 201,281 kes (63 peratus) daripada keseluruhan kluster tempat kerja membabitkan kes warga asing," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, siasatan mendapati, sejak 1 Januari 2021 hingga 26 Februari lalu, punca penularan paling tinggi adalah di tem-

pat kerja (56.8 peratus), diikuti asrama pekerja (29.08 peratus), rumah kongsi (13.38 peratus), tempat lain (0.51 peratus) dan rumah sewa (0.23 peratus).

"Risiko jangkitan atau penularan berkemungkinan boleh berlaku dalam kalangan komuniti dan seterusnya merebak di tempat kerja, begitu juga sebaliknya sudah melengkapkan vaksinasi mereka manakala 23,229,321 atau 98.7 peratus

AKHBAR : HARIAN METRO  
 MUKA SURAT : 11  
 RUANGAN : COVID-19

**KPM dalam peringkat akhir bincang kaedah pembelajaran sesi baharu persekolahan**

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim  
 nfazlina@nstp.com.my

**Pasir Mas**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kini di peringkat akhir perbincangan berhubung kaedah pembelajaran yang akan digunakan apabila sesi persekolahan baharu 2022 bermula bulan ini.

Menteri Kanan Pendidikan, Datuk Dr Radzi Jidin (*gambar*) berkata, pihaknya perlu mengambil kira semua faktor untuk diteliti bagi mencari keseimbangan demi masa depan anak-anak.

Katanya, ia menjadi cabaran buat KPM untuk mencari pendekatan terbaik terutama jumlah vaksin di kalangan kanak-kanak masih rendah.

"Jika dulu ketika kita mengumumkan pembukaan sekolah untuk rendah, ramai ibu bapa tidak berpuas hati dan bimbang selain menggunakan alasan



**Cabaran buat KPM**

anak mereka belum divaksin dan kerajaan belum menyediakan vaksin.

"Namun kini, apabila vaksin sudah ada, ibu bapa bertindak sebaliknya dan tidak membawa anak mereka untuk divaksin menyebabkan kanak-kanak yang menerima vaksin masih rendah," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas

meninjau persiapan akhir pusat peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2021 di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Lati di sini, semalam.

Radzi berkata, sekiranya keadaan itu berterusan, agak sukar dalam konteks penggiliran sekolah di mana ibu bapa mahu anak mereka ke sekolah tanpa penggiliran supaya sentiasa dapat ber-

sama dengan guru.

"Namun pada masa sama, bilangan vaksin masih rendah. Itu cabaran buat kami di KPM untuk mencari pendekatan terbaik.

"Semalam (kelmarin), saya ada berbincang dengan Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin berhubung perkara ini dalam usaha memastikan anak-anak menerima vaksin termasuk di Kelantan.

"Justeru, KPM dalam peringkat akhir perbincangan berkaitan pendekatan diambil sebaik sahaja bermulanya sesi persekolahan 2022 bulan ini," katanya.

**"Bilangan vaksin masih rendah. Itu cabaran buat kami di KPM untuk mencari pendekatan terbaik"**  
 Dr Radzi

**Ujian RTK-Ag bagi 3 kategori pengembara digugur mulai esok**

menggugurkan keperluan menjalani ujian Covid-19 RT-PCR atau RTK-Ag (profesional) bagi pengembara tiba di Malaysia di bawah program LITB sebelum keluar dari Pulau Langkawi.

Selain itu, Khairy berkata, KKM turut menggugurkan keperluan menjalani ujian sendiri RTK-Ag bagi pengembara umum dari United Kingdom

yang sebelum ini perlu dilakukan setiap hari sepanjang kuarantin.

Katanya keperluan Pegawai Pengiring bagi pelawat perniagaan jangka pendek Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Mida) yang menggunakan kemudahan OSC untuk memasuki Malaysia turut digugurkan namun perlu mengikut jadual program terawal diluluskan Jawatankuasa OSC.

"Ujian pengesanan Covid-19 perlu dijalankan dua hari sebelum berlepas ke Malaysia dan semasa ketibaan di Malaysia dikekalkan seperti protokol sedia ada.

"Saya tekankan sekali lagi prosedur baharu ini hanya terpakai ke atas pengembara memasuki Malaysia melalui program VTL, LITB dan OSC sahaja," katanya.

Khairy berkata, bagi pengembara yang bukan memasuki Malaysia melalui tiga program berkenaan, prosedur atau protokol sedia ada masih terpakai.



**Kuala Lumpur:** Pengembara dari luar negara yang tiba di Malaysia melalui tiga program tidak perlu lagi menjalani ujian enam hari Covid-19 Antigen Rapid Test Kit (RTK-Ag) (kendiri dan profesional) bermula Khamis ini.

Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin berkata, prosedur baharu itu terpakai untuk pengembara memasuki Malaysia melalui program Laluan Perjalanan Lengkap Vaksin (VTL) udara dan darat, Gelembung Pelancungan Antarabangsa Langkawi (LITB) dan Pusat Sejahteraan (OSC) untuk pelawat perniagaan jangka pendek.

Beliau berkata, Kementerian Kesihatan (KKM)

**Ekonomi Malaysia konsisten di sebalik cabaran Covid-19, banjir**

**Cyberjaya:** Ekonomi Malaysia terus kekal berdaya tahan serta terus di landasan pemulihan di sebalik cabaran Covid-19 dan bencana banjir baru-baru ini.

Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Aziz berkata, ini jelas apabila Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) meningkat sebanyak 3.1 peratus tahun lalu berbanding penguncupan sebanyak 5.6 peratus pada 2020.

Menurutnya, momentum pemulihan ini adalah hasil langkah segera kerajaan melaksanakan pakej bantuan dan rangsangan ekonomi berjumlah RM530 bilion.

Beliau berkata, pakej bantuan itu juga dilengkapi inisiatif Belanjawan 2021, kejayaan Pelan Pemulihan Negara, serta pelaksanaan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) yang sistematis.

"Pencapaian ini turut disumbang oleh Keluarga Hasil (Lembaga Hasil Dalam Negeri) dengan jumlah kutipan pada 2021 meningkat sebanyak 17 peratus berbanding 2020 kepada lebih RM140 bilion.

"Prestasi cemerlang ini

adalah kejayaan yang membanggakan kerana hasil kutipan cukai ini menyumbang hampir separuh daripada jumlah pendapatan negara," katanya ketika berucap dalam majlis sambutan Hari Hasil Ke-26 di Menara Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan II Yaman Hafez Musa dan Ketua Pegawai Eksekutif LHDN Datuk Mohd Nizam Sairi.

Sementara itu, Mohd Nizam berkata, LHDN akan terus komited memastikan kedudukan kewangan negara diperkukuh bagi menjamin kelangsungan agenda pembangunan serta membiayai perbelanjaan tadbir urus jentera kerajaan.

"LHDN sedang menggiatkan usaha memberi perkhidmatan percukaian terbaik melalui aktiviti turun padang mendekati pembayar cukai dalam siri libat urus bersama agensi kerajaan, persatuan perniagaan dalam pelbagai industri dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO)," katanya.

**Tiada lagi perubahan status**

**Kuala Lumpur:** Tiada lagi perubahan status di aplikasi MySejahtera sekiranya orang ramai dikesan sebagai kontak kasual (kuning) kepada kes positif Covid-19, kata Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin.

Khairy menerusi ciapan di Twitter beliau berkata, sebaliknya individu berkenaan hanya akan menerima notifikasi memaklumkan mereka adalah kontak kasual.

"Sebelum ini apabila MySJ trace/check-in mengesan anda sebagai kontak kasual kes positif, status di MySJ akan bertukar kepada kontak kasual (kuning).

"Kini tiada lagi perubahan status. Tetapi anda akan menerima notifikasi.

Jika bergejala, asingkan diri dan lakukan ujian sendiri," katanya.

Khairy turut memuat naik poster mengenai langkah meningkatkan penilaian sendiri Covid-19 Kementerian Kesihatan: Tingkatkan Penilaian Kendiri Covid-19 merangkumi lima peringkat iaitu: 1: Test (Uji), 2: Report (Lapor), 3: Isolate (Asing), 4: Inform (Maklum) dan 5: Seek (Dapatkan rawatan).

Poster berkenaan antaranya menggesa orang ramai mendapatkan rawatan segera di pusat perubatan atau Pusat Penilaian Covid-19 sekiranya alami gejala berat seperti kesukaran bernafas dan suhu badan terlalu tinggi.

**Covid-19: 75 kes kematian direkodkan, 20 BID**

**Putrajaya:** Malaysia merekodkan sebanyak 75 kes kematian kelmarin, menjadikan jumlah angka korban di negara ini meningkat kepada 32,749 kes.

Menerusi laman web Covidnow, kes kematian tertinggi dilaporkan di Selangor dengan 22 kes, diikuti

Johor (13) dan Sabah (11). Masing-masing sebanyak tujuh kematian dilaporkan di Kedah dan Perak masing-masing tiga di Kelantan, Melaka dan Pulau Pinang serta dua kes dilaporkan

di Terengganu. Turut dilapor ialah masing-masing satu kes di Negeri Sembilan, Pahang, Sarawak dan Kuala Lumpur. Data itu memaklumkan, daripada jumlah angka korban itu, ada 20 kes kematian di luar fasiliti kesihatan (BID). Perkembangan itu menjadikan sehingga kini 6,710 kes kematian dilapor sebelum bantuan perubatan dapat diberi.

Daerah yang mencatatkan bilangan kes BID tertinggi adalah Selangor dengan 11 kes, diikuti oleh Johor dengan 10 kes, Kedah dengan 7 kes, dan Kuala Lumpur dengan 6 kes.



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 18

RUANGAN : LOKAL

## 16 PPS khas Covid-19 dibuka

**Kuala Terengganu:** Sebanyak 16 pusat pemindahan sementara (PPS) khas dibuka di negeri ini bagi menempatkan mangsa banjir disahkan positif Covid-19.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT) Datuk Dr Kasemani

Embong berkata, semua PPS khas itu dibuka bermula Khamis lalu turut menempatkan mangsa banjir yang menjadi kontak rapat.

Menurutnya, ia melibatkan empat PPS di Kuala Terengganu; tiga PPS di Kemaman, tiga PPS di Besut

serta masing-masing dua PPS di Dungun, Hulu Terengganu dan Kuala Nerus.

"Setakat ini, terdapat seramai 49 pesakit disahkan positif, manakala 78 lagi adalah kontak rapat yang ditempatkan di semua PPS khas ini," katanya.

**Kota Bharu:** Sebanyak 11 kes positif Covid-19 dikenal pasti dalam kalangan mangsa banjir di Kelantan setakat kelmarin.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) Datuk Dr Zaini Hussin berkata, daripada 11 kes yang dilaporkan, sebanyak lima kes dikesan melalui sari-

## 11 mangsa bah di Kelantan positif Covid-19

ngan kemasukan ke pusat pemindahan sementara (PPS).

Katanya, manakala enam kes lagi diketahui sebelum mereka berpindah ke PPS.

"Semua kes ini diasingkan daripada mangsa banjir

yang lain iaitu empat kes ditempatkan di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC), dua di PPS khas dan lima kes lagi di PPS berlainan blok dengan mangsa banjir lain.

"Setakat ini, tiada kluster membabitkan mangsa banjir di PPS kerana petugas kesihatan akan membuat saringan sebelum mangsa dimasukkan ke PPS," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Dr Zaini berkata, bagi mangsa banjir yang mempunyai gejala, pihaknya berharap mereka memaklumkan kepada petugas kesihatan untuk mengelakkan jangkitan Covid-19 kepada orang lain.

Menurutnya, pemberitahuan awal akan memudahkan urusan untuk membuat rawatan dan proses kuarantin seperti yang ditetapkan.

"Kita juga minta mangsa sentiasa menjaga diri dan keluarga masing-masing bagi memastikan mereka sentiasa sihat dan tidak dijangkiti Covid-19," katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : STORY OF THE DAY / NEWS

MORE THAN 400

## Education clusters form bulk of active Covid-19 cases

**KUALA LUMPUR:** Education clusters make up almost two-thirds of active Covid-19 clusters.

Malaysia has detected 643 clusters this year, of which 407 were linked to educational institutions.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said workplace clusters were the second highest (133), followed by high-risk group clusters (49), community clusters (28), imported clusters (12), detention clusters (10) and religious clusters (four).

He said 118 new clusters were reported in epidemiological week seven and the number fell by 40.7 per cent to 70 clusters in epidemiological week eight (Feb 20-26).

He said the number of new education and detention clusters was falling, but high-risk group and community clusters saw a slight rise.

He said the trend for workplace clusters remained the same, at 14 clusters in epidemiological weeks seven and eight.

No imported or religious clusters

were reported in epidemiological weeks seven and eight.

Dr Noor Hisham said most workplace clusters were identified in the manufacturing sector (52), followed by the services sector (41), public sector (30), agricultural sector (five), construction sector (three) and mining and quarry sector (two).

